

Kerjasama Pintar : 5 Pelajar UniMAP Jalankan Penyelidikan Dengan Nihon Superior



Seramai lima pelajar Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) menjadi perintis hubungan kerjasama pintar antara universiti itu dengan syarikat Nihon Superior (M) Sdn. Bhd. (Nihon Superior) melalui projek penyelidikan yang bakal dimulakan Oktober 2013. Dalam kerjasama penyelidikan yang akan melibatkan Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin sebagai Ketua Penyelidik itu, lima pelajar terbabit akan ditawarkan biasiswa yang berbentuk geran penyelidikan bernilai RM218,000.

Biasiswa tersebut akan digunakan bagi membiayai pengajian peringkat Ijazah Sarjana Sains sekaligus menyempurnakan projek penyelidikan dalam tempoh dua tahun akan datang. Pelajar yang terpilih tersebut ialah Rita Mohd. Said, Fatin Afeeqa Mohd Sobri, Izrul Izwan ramli dan Mohamad Darus manakala seorang lagi pelajar masih dalam peringkat terakhir pemilihan.



Persetujuan tersebut berjaya dicapai dalam perbincangan khas yang diadakan dengan Presiden Nihon Superior Ltd. Osaka, Jepun, Tetsuro Nishimura selepas Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) antara UniMAP dan Nihon Superior. Turut hadir, Pengurus Jualan, Nihon Superior Ltd. Osaka, Takatoshi Nishimura; Ketua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Galian, University of Queensland, Prof. Madya Dr. Kazuhiro Nogita serta penyelidik-penyalidik Pusat Kecemerlangan Geopolimer dan Teknologi Hijau (CEGeoGTech) UniMAP.